

**SOALAN LAZIM PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2015**  
**IMBUHAN TETAP PERUMAHAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Kenaikan kadar ITP berdasarkan PP Bil. 8/2015 hanya melibatkan gred 41/42 dan ke bawah sahaja. Adakah pemberian 25% ITP kepada pegawai yang diperuntukan kquarters juga hanya melibatkan gred 41/42 dan ke bawah sahaja?	Pemberian ITP kepada pegawai yang menduduki kquarters pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai mengikut penetapan PP Bil. 8/2015 adalah merangkumi semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pelaksana (Gred 11 hingga 40), Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54) dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi (JUSA hingga TURUS)
2.	Pegawai yang bertukar wilayah dan mendiami kquarters adalah layak dibayar 25% ITP?	Pemberian 25% ITP juga terpakai kepada semua pegawai dalam Kumpulan Pelaksana (Gred 11 hingga 40), Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54) dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi (JUSA hingga TURUS) yang bertukar wilayah dan menduduki kquarters berdasarkan perenggan 5, PP. Bil. 8/2015. Kerajaan telah menetapkan bahawa semua pegawai awam yang menduduki kquarters layak mendapat ITP pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai. Ini meliputi pegawai-pegawai yang bertukar wilayah.
3.	Adakah pegawai bertukar wilayah yang sebelum ini memilih EPW kerana kadarnya lebih tinggi boleh menukar untuk memilih ITP?	Perenggan 6.2, PP Bil. 11/2001 menyatakan pegawai yang tidak menduduki rumah kerajaan boleh memilih ITP dan EPW. Pilihan sama ada menerima ITP atau EPW kepada pegawai yang bertukar wilayah hanya diberikan apabila pegawai bertukar wilayah sahaja.
4.	Pasangan pegawai yang kedua-duanya berasal dari Semenanjung ditugaskan ke Sabah. Walaubagaimanapun suami ditempatkan di Sandakan manakala isteri ditempatkan di Kota Kinabalu dan kedua-dua pegawai diperuntukkan kquarters (Rumah Biasa Kerajaan) di tempat bertugas masing-masing. Adakah pegawai layak dibayar 25% ITP?	Berdasarkan perenggan 7, PP Bil. 8/2015 pegawai yang diperuntukkan kquarters, layak menerima bayaran ITP pada kadar 25% daripada kelayaka ITP pegawai. Dalam hal ini, kedua-dua pegawai layak menerima bayaran ITP pada kadar 25% daripada kadar ITP masing-masing.
5.	Pasangan pegawai yang kedua-duanya berasal dari Semenanjung ditugaskan ke Sabah. Walaubagaimanapun, suami ditempatkan di Sandakan manakala isteri ditempatkan di Kota Kinabalu.	Berdasarkan perenggan 7, PP Bil. 8/2015, pegawai yang diperuntukkan kquarters layak menerima bayaran ITP pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai. Manakala berdasarkan perenggan 8, PP Bil. 8/2015, pegawai yang tidak diperuntukkan kquarters, layak untuk menerima bayaran ITP atau EPW mengikut perbekalan perenggan 6.2, PP Bil.

	Hanya seorang sahaja yang diperuntukkan kuarters (Rumah Biasa Kerajaan). Adakah pegawai layak dibayar 25% ITP?	11/2001.
6.	Pegawai yang tinggal di asrama (ITP dan BSH (50%) dipotong). Adakah pegawai layak dibayar 25% ITP seperti dalam PP Bil. 8/2015?	Seorang pegawai yang disediakan tempat penginapan/asrama dan tinggal sepenuh masa serta dianggap sebagai kuarters (tidak dibayar ITP), layak menerima ITP pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai.
7.	Pegawai yang mendiami Rumah Khas Jabatan/Jawatan adakah layak dibayar 25% ITP?	Pegawai yang mendiami Rumah Khas Jabatan/Jawatan tidak layak dibayar 25% ITP pada selaras dengan perenggan 6, Bil. 8/2015.
8.	Adakah pegawai yang menerima BPK akan diselaraskan kadarnya mengikut PP Bil. 8/2015	Pegawai yang menduduki Rumah Khas Jabatan turut menikmati kadar baharu ITP di bawah PP Bil. 8/2015 mengikut gred jawatan pegawai. Walau bagaimanapun, peratusan pemberian BPK daripada kadar ITP masih kekal seperti ditetapkan di perenggan 3, PP Bil. 11/2002.